

WAKTU IQAMAT SOLAT BERJEMAAH

Iqamat dari segi bahasa bermaksud mendirikan atau melaksanakan. Dari segi istilah pula, ia bermaksud zikir dan lafaz yang khusus yang dilaungkan sebagai pemberitahuan bahawa solat berjemaah akan didirikan. Ia juga merupakan pengumuman yang kedua selepas azan dilaungkan sebagai isyarat bahawa solat akan didirikan dalam masa yang sangat dekat.

Hukum iqamat adalah sunat muakkad (sangat dituntut) bagi semua solat fardu sama ada berjemaah atau bersendirian. Namun begitu, iqamat tidak disunatkan bagi solat sunat yang sunat berjemaah seperti solat dua (2) hari raya, solat gerhana dan solat jenazah.

Kadar Tempoh Jarak Azan Dan Iqamat

Disunatkan untuk memisahkan tempoh jarak masa di antara azan dan iqamat dengan mengikut keperluan walaupun sekadar menunaikan solat sunat *qabliyah* sebelum mendirikan solat fardu. Adalah makruh sekiranya muazzin (tukang azan) terus melaungkan iqamat selepas azan tanpa memberi sedikit masa selepas azan. Hal ini bertujuan meraikan waktu yang disunatkan seperti yang disarankan oleh Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Selain itu, ia juga dapat memberi kesempatan kepada jemaah untuk bersiap melakukan solat seperti berwuduk, berjalan menuju ke masjid dan sebagainya.

Siapakah Pihak Yang Berhak Untuk Menentukan Azan Dan Iqamat

Berkenaan dengan persoalan pihak yang berhak dalam menentukan waktu iqamat, terdapat hadis daripada Sayyidina Jabir bin Samurah *Radhiallahu 'anhu* berkata:

كَانَ مُؤَذِّنُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُمَهِّلُ فَلَا يُقِيمُ، حَتَّى إِذَا رَأَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ خَرَجَ أَقَامَ الصَّلَاةَ حِينَ يَرَاهُ

JABATAN MUFTI SARAWAK

Maksudnya: "Muazzin Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* tidak segera mengumandangkan iqamat, sehinggalah ketika dia melihat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* keluar, dia pun mengumandangkannya."

(Riwayat Imam al-Tirmidzi, no. 202)

Selain itu, Sayyidina Ali bin Abi Talib *Radhiallahu ‘anhu* ada menyatakan:

المُؤَذِّنُ أَمْلَكُ بِالْأَذَانِ، وَالْإِمَامُ أَمْلَكُ بِالْإِقَامَةِ

Maksudnya: “Muazzin itu lebih berhak terhadap azan, sedangkan imam lebih berhak terhadap iqamat.”

(Riwayat Imam al-Baihaqi, Sunan al-Kubra no.2279)

Berdasarkan hadis di atas, muazzin bertanggungjawab terhadap waktu laungan azan kerana ia merupakan pemberitahuan waktu solat yang terikat dengan penelitiannya (muazzin). Namun, waktu iqamat pula ditentukan oleh imam kerana ia bertujuan untuk mendirikan solat yang tidak dapat didirikan melainkan setelah mendapat isyarat kebenaran oleh imam.

Walau bagaimanapun, sekiranya iqamat dikumandangkan tanpa mendapat kebenaran dan isyarat daripada imam, maka iqamat tersebut tetap sah dan tidak perlu diulang. Selain itu juga, adalah lebih baik sekiranya imam dan muazzin bersepakat dalam menetapkan masa untuk melaungkan iqamat agar pengurusan berkaitan solat berjemaah dilaksanakan dengan lebih teratur di samping dapat mengelakkan berlakunya kesalahfahaman dalam mentadbir masjid atau surau.

جَابِرُ مِفْتَاحِ سَرَاوَكِ
JABATAN MUFTI SARAWAK